



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BIL. 55 / 2019

ISU PELANTIKAN DATUK LAJIM UKIN SEBAGAI PEMERHATI PILIHAN RAYA PADA PRK PARLIMEN P.186 SANDAKAN

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) mengambil maklum berhubung kenyataan yang dikeluarkan oleh BERSIH 2.0 pada 28 April 2019 berhubung penyertaan Datuk Lajim Ukin yang bertugas sebagai pemerhati pilihan raya semasa Hari Penamaan Calon bagi Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen P.186 Sandakan. BERSIH 2.0 mempersoalkan tindakan SPR yang melantik ahli politik yang aktif iaitu Datuk Lajim Ukin sebagai pemerhati dan diragui boleh bersikap saksama.
2. Sebagai makluman SPR telah menetapkan kriteria sebagai pemerhati seperti berikut :
 - a) Agensi Kerajaan berkeelayakan;
 - b) Badan Bukan Kerajaan (NGO) atau organisasi berkeelayakan yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan atau Suruhanjaya Syarikat Malaysia (syarikat yang tidak berorientasikan keuntungan sahaja);
 - c) Individu warganegara Malaysia yang berkemahiran dan dapat menyumbang kepada penambahbaikan proses pilihan raya;
 - d) Melaksanakan aktiviti yang dekat dengan masyarakat;
 - e) Bersikap berkecuali; dan
 - f) Mematuhi Kod Etika dan Akujanji Pemerhati Pilihan Raya.
3. Dalam pemilihan dan pelantikan pemerhati pilihan raya SPR, kelayakan permohonan individu ataupun organisasi yang memohon akan dinilai mengikut kriteria yang telah ditetapkan. Pelantikan Datuk Lajim Ukin adalah mewakili kategori agensi kerajaan yang berkeelayakan iaitu Jawatankuasa Khas Pembaikan Sistem dan Undang-Undang Pilihan Raya (ERC) dan tidak mewakili Parti Politik yang dianggotai.

4. SPR juga turut menyediakan “Aku Janji” untuk ditandatangani oleh pemerhati yang dilantik dan merupakan ikrar yang perlu dipatuhi semasa bertugas. Jika terdapat pemerhati yang tidak mematuhi dan melanggar “Aku Janji” berkenaan, mereka boleh digugurkan dan boleh disenarai hitamkan dari menjadi pemerhati pada mana-mana pilihan raya.

5. Walau bagaimanapun, SPR sentiasa peka dengan isu pelantikan pemerhati pilihan raya yang dibangkitkan oleh BERSIH 2.0 serta pihak berkepentingan yang lain dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya termasuk mengkaji semula kriteria pemilihan bagi Pemerhati Pilihan Raya setelah menerima maklumbalas dari pihak berkepentingan yang relevan.

Sekian, terima kasih.

AZHAR AZIZAN HARUN

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)

Tarikh: 29 April 2019 / 23 Sya'aban 1440H